

TARIKH: 5/6/23
SURAT KHABAR: utusan Malaysia
MUKA SURAT: 6

Kempen ambil pekerja lokal

Oleh SITI NUR MAS
ERAH AMRAN
utusannew@mediamulia.com.my

BUTTERWORTH: Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melancarkan Kempen Ambil Pekerja Lokal bagi menggalakkan pengambilan tenaga kerja tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing.

Kempen terbabit adalah program susulan inisiatif Malaysianization yang dilaksanakan dari 2021 untuk menggalakkan majikan mengajikakan pekerja tempatan bagi jawatan yang sebelumnya diisi pekerja asing.

Untuk menggalakkan lagi penggajian pekerja tempatan, kementerian dan Perkeso juga menyokong Projek Reben Kuning yang memberi ruang kepada bekas banduan terutama belia dan bekas pelajar juvana untuk memperoleh pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, majikan diseru bekerjasama dengan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan khusus buat pekerja tempatan.

"Kempen ini akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan majikan dapat menggajikan anak-anak watan sekali gus mengelakkan daripada terlalu bergantung kepada pekerja asing.

"Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030, maka kita perlu perkasakan mereka bermula dari sekarang," katanya selepas menutup Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 Negeri Pulau



V. SIVAKUMAR menyerahkan sumbangan kerusi roda dan Kotak Prihatin kepada salah seorang penerima pada Majlis Penutup Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Peringkat Pulau Pinang di Butterworth Arena, semalam. - UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

Pinang di Butterworth Arena, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Sivakumar berkata, karnival kerjaya MYFutureJobs yang berlangsung selama dua hari itu menawarkan lebih 7,000 kekosongan jawatan yang menawarkan gaji

bulanan sehingga RM9,500 daripada 56 majikan yang mengambil bahagian.

"Sehingga tengah hari tadi, seramai 552 individu berjaya ditawarkan jawatan 'on the spot'.

"Selain menghimpunkan pencari kerja dan majikan di bawah

satu bumbung, karnival kerjaya ini juga menyediakan perkhidmatan pekerjaan bagi meningkatkan kebolehpkerjaan dan kebolehpasaran pencari kerja antaranya bantuan penyediaan resume, profil pencari kerja dan bengkel temu duga," katanya.

utusan Malaysia
ms 6 5/6/23

+